

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HJ. AHMAD LAI BIN BUJANG  
(SIBUTI)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 16.03.2015**

**Y.B. TUAN HJ. AHMAD LAI BIN BUJANG [ SIBUTI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menggunakan potret Negarawan seperti Tunku Abdul Rahman, Seniman Agung P. Ramlee dan tokoh-tokoh yang banyak menyumbang jasa pada mata wang kertas Bank Negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Penggunaan imej potret Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

pada wang kertas Malaysia yang mula digunakan pada tahun 1967 merupakan lambang identiti bagi Malaysia yang mengamalkan konsep sistem demokrasi berparlimen dan Raja berperlembagaan. Ianya juga sebagai simbol perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

2. Selain potret Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Rahman, Bank Negara Malaysia pernah menggunakan potret Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama, pada wang kertas siri baharu yang dikeluarkan pada tahun 2012 sempena 50 tahun kemerdekaan Malaysia.